

# Usim bina sistem e-klinikal

*Proses pendaftaran, analisis dapat dilakukan dengan mudah, efisien*

>>Oleh Suliati Asri  
suliati@hmetro.com.my

**B**AGI memberikan khidmat kepada komuniti tempatan, Fakulti Pergigian (FPg) Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), merasmikan Unit Perkhidmatan Pergigian atau projek e-klinikal, baru-baru ini.

Projek e-klinikal juga bagi membangunkan, melaksanakan dan meningkatkan operasi dengan lebih efisien dalam perkhidmatan perubatan kepada warga Usim dan orang ramai.

Dekan Fakulti Pergigian merangkap Ketua Projek Sistem e-Klinikal Usim, Prof Datuk Dr Wan Mohamad Nasir Wan Othman, berkata Usim membelanjakan RM30 juta dalam Rancangan Malaysia kelapan (RMK8) dan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) bagi melengkapkan kemudahan teknologi maklumat (ICT) untuk pengajaran dan pembelajaran.



**LANCAR...**Dr Muhamad (tengah) melancarkan sistem e-klinikal sambil diperhatikan Dr Wan Mohamad Nasir (kiri).

Beliau berkata, menerusi projek e-klinikal ini, kemajuan teknologi dalam perubatan pergigian diperbaharui dengan menyediakan persekitaran 'tanpa kertas', memudahkan pendaftaran dan rekod pesakit.

"Unit Perkhidmatan Pergigian Usim mempunyai pelbagai fasiliti yang terdiri daripada klinik

pergigian, makmal pergigian dan bilik X-ray.

"Penubuhannya sebahagian daripada keperluan utama pendidikan pergigian dan ia wadah bagi amalan klinikal di peringkat sarjana muda.

"Dengan adanya e-klinikal, proses untuk menganalisis data pesakit dan inventori dapat

dilakukan dengan mudah.

Ia bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam menyimpan rekod yang diguna pakai di dua lokasi iaitu Unit Kesihatan Pelajar Usim di Kampus Nilai dan Unit Perkhidmatan Pergigian Usim Kampus Pandan Indah.

Sementara itu, Naib Canselor Usim, Prof Datuk Dr Abdul Shukor Husin, berkata pembinaan sistem e-klinikal itu adalah salah satu usaha dalam rancangan strategik teknologi maklumat (ICT) Usim.

"Pembangunan dan pelaksanaan sistem e-klinikal ini diterajui tiga jabatan iaitu Pusat Pengurusan Ilmu dan Teknologi Maklumat (PPITM), Fakulti Pergigian dan Unit Kesihatan Pelajar Hal Ehwal Pelajar," katanya di majlis perasmian Unit Perkhidmatan Pergigian dan Pelancaran sistem e-klinikal.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsanya, Prof Datuk Dr Muhamad Muda.